



Mahathir lawat dua kampung

JITRA, Rabu — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad akan mengadakan perjumpaan dengan penduduk dua kampung dalam kawasan Parlimen Kubang Pasu Sabtu ini.

Kampung-kampung tersebut ialah Kampung Tanjung Mukim Jeram dan Kampung Kota Mengkuang kira-kira 10 batu dari sini.

Timbalan Perdana Menteri juga dijangka menemui penduduk beberapa buah kampung berhampiran.

Sebelum berlepas balik ke Kuala Lumpur pada hari Ahad, Datuk Seri Dr. Mahathir akan menerima kunjungan orang ramai di rumahnya di Titi Gajah. — Bernama.